

# Kandungan

MUQADDIMAH	IV
------------	----

## GARIS PANDUAN IBADAH QURBAN :

Pengertian Ibadah Qurban	1
Hukum Melakukan Ibadah Qurban	1
Dalil Pensyariatannya	2
Fadhilat Ibadah Qurban	3
Hikmah Berqurban	4
Kepada Siapa Ibadah Qurban Disunatkan	5
Syarat Sah Qurban	5
Jenis Haiwan Yang Boleh Dijadikan Qurban	5
Umur Binatang Qurban	6
Kecacatan Yang Menghalang Sahnya Qurban	6
Keharusan Berkongsi Pada Seekor Binatang Qurban	8
Waktu Pelaksanaan Ibadah Qurban	9
Orang Yang Menyembelih Binatang Qurban	9
Niat Ibadah Qurban	10
Hukum Qurban Bagi Pihak Orang Lain	10
Perkara-Perkara Sunat Ketika Qurban	11
Hukum Daging Qurban	12

BIBLIOGRAFI	13
-------------	----

# GARIS PANDUAN IBADAH QURBAN

## PENGERTIAN IBADAH QURBAN

Qurban atau Udhiyah ( *أضحية* ) bermaksud menyembelih haiwan yang tertentu jenisnya daripada ternakan yang dikategorikan sebagai *al-an'am* iaitu unta, lembu (termasuk kerbau), biri-biri dan kambing pada Hari Nahr atau Hari Raya Haji (10 Zulhijjah) dan pada hari-hari Tasyrik (11, 12 dan 13 Zulhijjah) kerana bertaqarrub (mendekatkan diri) kepada Allah.

## HUKUM MELAKUKAN IBADAH QURBAN

- Imam Syafie berpendapat hukum melakukan ibadah qurban ini adalah *sunat Muakkadah* iaitu sunah yang amat digalakkan atau dituntut ke atas setiap individu Muslim yang merdeka, berakal, baligh lagi rasyid serta berkemampuan melakukannya sama ada sedang mengerjakan haji ataupun tidak sekurang-kurangnya sekali seumur hidup.
- *Makruh* meninggalkan ibadah ini bagi orang yang mampu melakukannya.
- Hukum qurban ini menjadi *wajib* jika seseorang itu telah bernazar untuk melakukannya atau telah membuat penentuan (at-ta'yin) untuk melaksanakannya seperti seseorang berkata "lembu ini aku jadikan qurban". Jika tidak dilakukan dalam keadaan ini maka hukumnya adalah *haram*.
- Daging qurban wajib tidak dibenarkan untuk dimakan oleh yang empunya qurban dan tanggungannya.

## DALIL PENSYARIATANNYA

1. Firman Allah S.W.T. dalam surah Al-Kautsar ayat 2 :

### فصل لربك وانحر

Maksudnya :

**“Maka kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata dan sembelihlah korban sebagai bersyukur”.**

2. Allah S.W.T. telah berfirman dalam Surah Al-Haj ayat 37 :

لن ينال الله لحومها ولا دماؤها ولكن يناله التقوى منكم

Maksudnya :

**“Daging dan darah binatang korban atau hadiah tidak sekali-kali akan sampai kepada Allah, tetapi yang sampai kepadaNya ialah amal yang ikhlas yang berdasarkan taqwa dari kamu”.**

3. Sabda Rasulullah S.A.W. :

Maksudnya :

**“Aku diperintahkan dengan menyembelih korban itu dan ia adalah sunat ke atas kamu”.**

(Hadis riwayat Tirmidzi)

## FADHILAT IBADAH QURBAN

Fadhilat yang diperolehi daripada ibadah korban ini amat besar antaranya :

Menambah amal kebajikan.

Sabda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam :

*Maksudnya :*

**“Korban itu bagi tuannya dengan setiap bulunya adalah kebajikan”.**

(Hadis riwayat Tirmidzi, Ibnu Majah dan al-Hakim)

2. Sebagai penebus dosa

Sabda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam kepada

Sayyidatina Fatimah :

*Maksudnya :*

**“Hai Fatimah, berdirilah di sisi korbanmu dan saksikanlah ia, sesungguhnya titisan darahnya yang pertama itu pengampunan bagimu atas dosa-dosamu yang telah lalu”.**

(Hadis riwayat al-Bazzar dan Ibnu Hibban)

3. Mendapat tempat yang mulia di sisi Allah.

Sabda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam :

*Maksudnya :*

**“Wahai manusia, sembelihlah korban dengan mengharapkan pahala daripada Allah dengan darahnya, bahawa sesungguhnya darah korban itu jika ia tumpah ke bumi maka ia akan mengambil tempat yang mulia di sisi Allah Azza Wajalla”.**

(Hadis riwayat Thabrani)

4. Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam pernah bersabda :

*Maksudnya :*

**“Tiada dibuat oleh anak Adam pada Hari Raya Adha akan sesuatu amal yang lebih disukai oleh Allah Ta'ala daripada menumpahkan darah (menyembelih korban). Bahawa korban itu datang pada hari kiamat dengan tanduk-tanduknya, bulu-bulunya dan kuku-kukunya. Sesungguhnya darah korban itu mengambil tempat yang mulia di sisi Allah sebelum darah itu tumpah ke bumi, maka hendaklah kamu buat korban itu dengan hati yang bersih.”**

(Hadith riwayat Tirmidzi)

5. Ancaman terhadap orang yang mampu melakukan qurban tetapi tidak melaksanakannya.

Daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu katanya, sabda Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam :

*Maksudnya :*

**“Barangsiapa yang ada kemampuan untuk berqurban tetapi tidak melakukannya, janganlah dia hadir bersama kami di tempat sembahyang kami”.**

## HIKMAH BERQURBAN

1. Memperingati peristiwa ketaatan Nabi Ibrahim Alaihissalam yang sanggup menyahut perintah Allah Ta'ala untuk mengorbankan anaknya Nabi Ismail Alaihissalam.
2. Melahirkan tanda bersyukur kepada Allah terhadap nikmat-nikmatnya yang melimpah-ruah.
3. Menanamkan perasaan kasih-sayang antara si kaya dengan si miskin.

## **KEPADA SIAPA IBADAH QURBAN DISUNATKAN**

- Menurut Mazhab Syafie, ibadah qurban disunatkan kepada mereka yang mempunyai harta yang melebihi keperluan dirinya dan tanggungannya pada Hari Raya Aidil Adha dan hari-hari Tasriq (**11, 12 dan 13 Zulhijjah**) termasuklah orang yang sedang bermusafir ataupun yang sedang mengerjakan haji.
- Manakala kanak-kanak tidak disunatkan melakukan ibadah qurban.

## **SYARAT SAH QURBAN**

1. Haiwan yang hendak diqurbankan itu hendaklah dalam keadaan sempurna tanpa ada kecacatan yang nyata dan mengurangkan daging atau memudaratkan kesihatan.
2. Ianya dilakukan pada waktu yang dikhususkan untuk menjalankan ibadah qurban.
3. Ibadah qurban hendaklah disertakan dengan niat.

## **JENIS HAIWAN YANG BOLEH DIJADIKAN QURBAN**

- Ulama' bersepakat bahawa binatang yang boleh dijadikan qurban hanyalah binatang yang dikategorikan sebagai al-an'am iaitu unta, lembu (termasuk kerbau), kambing dan biri-biri sama ada jantan atau betina.

## UMUR BINATANG QURBAN

1. **Unta** - berumur 5 tahun masuk ke 6 tahun.
2. **Lembu/kerbau/kambing** - 2 tahun masuk ke 3 tahun.
3. **Biri-biri/kibas** - Setahun masuk kedua atau sudah bersalin gigi hadapan walaupun belum cukup setahun tetapi melebihi 6 bulan.

## KECACATAN YANG MENGHALANG SAHNYA QURBAN

- Hendaklah ia sejahtera daripada sebarang kecacatan seperti tiada telinga atau terpotong ekor, gila, kudung, sangat kurus, buta dan sebagainya.
- Ada 4 kecacatan utama yang telah disepakati oleh Ulama' yang menghalang sahnya qurban iaitu berdasarkan hadis riwayat Barra' bin Azib iaitu sabda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam :

Maksudnya :

**"4 jenis kecacatan yang tidak harus diperbuat qurban iaitu buta sebelah mata, berpenyakit, tempang dan terlalu kurus".**

- Daripada hadith di atas Ulama' telah mengqiaskan kepada kecacatan yang seumpamanya atau lebih teruk daripada kecacatan tersebut. Ia dapat diringkaskan seperti berikut :
1. Tiada atau terpotong telinga ataupun lidahnya walaupun sedikit begitu juga yang terpotong ekornya.
  2. Gila
  3. Berkudis walaupun sedikit.

- Haiwan yang baru melahirkan anak atau yang bunting.
- Tersangat kurus.
- Buta sebelah mata atau kedua-duanya.
- Berpenyakit
- Tersangat tempang
- Tetapi, jika dia telah bernazar untuk qurban binatang yang sudah ada kecacatan tersebut, wajarlah dia melaksanakannya.
- Haiwan yang tiada ekor, tiada gigi atau patah setengah giginya, tiada zakar, haiwan yang dikasi zakarnya boleh dijadikan binatang qurban.
- Makruh mengorbankan haiwan yang tidak bertanduk atau patah tanduknya begitu juga haiwan yang terbelah atau bertebuk telinganya.

## KEHARUSAN BERKONGSI PADA SEEKOR BINATANG QURBAN

- Seekor unta, lembu atau kerbau itu **harus** dikongsi oleh tujuh orang sama ada dari keluarga yang sama atau yang lain walaupun tidak semuanya bermaksud qurban, misalnya ada di antaranya bermaksud aqiqah dan yang lainnya kerana mahukan dagingnya sahaja.
- Bagi seekor kambing atau biri-biri hanya cukup untuk seorang sahaja, tetapi **harus** berkongsi dengan orang lain dalam pahala berkorban dengan seekor binatang korban itu.

- Adalah **afdhal** dibuat korban bagi seorang dengan seekor unta, kerana banyak dagingnya untuk dibahagikan kepada fakir. Kemudian lembu atau kerbau, kemudian biri-biri dan kemudian kambing.
- Berqurban dengan 7 ekor kambing itu lebih **afdhal** daripada seekor unta atau lembu kerana daging kambing lebih baik dan lebih banyak darah yang tumpah ketika disembelih.
- Berqurban dengan seekor kambing itu pula lebih **afdhal** daripada seekor lembu atau unta yang dikongsi oleh tujuh orang.
- Yang utamanya binatang qurban itu adalah berwarna putih, kemudian kuning, diikuti dengan yang berwarna putih tetapi tidak bersih putihnya, kemudian binatang yang sebahagian bulunya berwarna hitam, kemudian yang berwarna hitam semua bulunya, diikuti dengan binatang qurban yang berwarna merah bulunya.

## WAKTU PELAKSANAAN IBADAH QURBAN

- Bermula daripada terbit matahari pada Hari Nahr (10 Zulhijjah).
- Waktu yang **afdhal** melakukannya ialah ketika matahari telah naik sekadar 7 kaki dari ufuk.
- Berkekalan waktu qurban ini sehingga terbenam matahari pada 13 Zulhijjah.

## ORANG YANG MENYEMBELIH BINATANG QURBAN

- Para ulama menganjurkan agar yang melakukan penyembelihan adalah orang yang berqurban itu sendiri, sekiranya dia pandai menyembelih. Tetapi mereka juga sependapat mengatakan **harus** mewakilkannya kepada orang lain. **Afdhalnya** wakil itu adalah orang Islam yang mengetahui akan hukum-hakam mengenai korban.
- Adalah **afdhal** orang yang tidak pandai menyembelih berwakil kepada orang lain untuk menyembelih bagi pihak dirinya dan **sunat** bagi orang yang berwakil itu hadir dan menyaksikan penyembelihan ke atas binatang qurban tersebut.
- **Makruh** hukumnya mewakilkan qurban kepada kanak-kanak atau orang buta.

## NIAT IBADAH QURBAN

- Tidak memadai jika seseorang itu hanya membeli binatang dengan niat hendak diqurbankan tanpa dilafazkan niat itu.
- Disyaratkan berniat ketika menyembelih binatang qurban jika dilakukan sendiri. Adalah memadai jika orang yang berwakil itu berniat ketika wakilnya menyembelih korban berkenaan dengan disaksikan oleh orang yang berwakil tadi.
- Walaubagaimanapun adalah lebih baik orang yang berwakil itu, ketika menyerahkan korban, menyuruh wakilnya berniat bagi pihak dirinya ketika dia menyembelih korban tersebut.
- Tidak disyaratkan niat jika melakukan qurban nazar.

## HUKUM QURBAN BAGI PIHAK ORANG LAIN

1. **Tidak sah** membeli korban bagi pihak orang lain yang hidup dengan tiada izinnya.
2. Begitu juga bagi pihak orang yang telah mati dengan tiada wasiat atau pesanan daripadanya.
3. Apabila qurban itu dilakukan kerana wasiat simati maka **wajib** disedekahkan kesemuanya.

## PERKARA-PERKARA SUNAT KETIKA QURBAN

- Apabila menjelang 10 Zulhijjah, tidak digalakkan mempunyai qurban memotong rambut dan kukunya sehingga dia melaksanakan ibadah qurban.
- Semasa menyembelih binatang qurban disunatkan :
  1. Membaca **بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ**
  2. Berselawat ke atas Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam.
  3. Menghadapkan binatang itu ke arah kiblat di atas rusuk kirinya.
  4. Bertakbir sebelum membaca Basmalah dan selepasnya.
  5. Membaca doa : **اللهم هذه منك واليك**

Maksudnya :

**“Ini adalah nikmat daripada Mu dan aku mendekatkan diri kepadaMu dengannya.”**

- Sebaik-baiknya ibadah qurban ini dilaksanakan sendiri tetapi **harus** diwakilkan kepada orang lain.

## HUKUM DAGING KORBAN

### 1. Qurban Wajib dan Qurban Nazar :

Bagi daging korban kerana sembelihan wajib seperti nazar maka hukumnya **Wajib** disedekahkan kesemuanya. **Haram** ke atas orang yang berkorban itu memakan daging tersebut. Jika telah dimakan daging itu maka **Wajib** diganti kadar yang dimakan itu tetapi tidak wajib dia menyembelih semula yang lain.

### 2. Qurban Sunat :

Bagi daging korban sunat pula, adalah **Sunat** bagi orang yang empunya korban memakan sebahagian daripadanya sebagaimana firman Allah Ta'ala dalam Surah al-Haj ayat 28 :

...فكّلوا منها وأطعموا البائس الفقير

*Maksudnya :*

“...Maka makanlah daripadanya dan beri makanlah kepada orang-orang yang sangat fakir”

**Wajib** disedekahkan sebahagian daripada daging-daging korban sunat itu kepada golongan fakir dan miskin yang beragama Islam dalam keadaan mentah lagi basah (belum dimasak).

Adalah **Afdhal** jika yang empunya korban itu hanya mengambil sedikit daripada daging korban berkenaan manakala sebahagian besar daripadanya disedekahkan. Daging yang disedekahkan akan menjadi milik penerima

sepenuhnya di mana dia boleh menjual, melelong atau menghadiahkan daging tersebut kepada orang lain dan sebagainya.

3. Jika daging korban itu ialah korban disebabkan wasiat dari seorang yang telah meninggal dunia, maka tidak boleh dimakan dagingnya oleh orang yang membuat korban untuknya dan tidak boleh dihadiahkan kepada orang kaya kecuali ada izinnya.
4. **Haram** menyedekah atau menghadiahkan daging korban kepada orang kafir walaupun sedikit.
5. **Tidak harus** memindahkan daging qurban ke daerah lain sebagaimana dalam hukum zakat.
6. **Haram** ke atas orang yang terkorban atau warisnya menjual daging korban itu atau kulitnya atau bulunya atau sesuatu daripada binatang korban itu sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam :  
Maksudnya :  
**“Siapa yang menjual kulit korban (udhiyyah) itu maka tiada dikira korban baginya”**.  
(Hadis riwayat al-Hakim)
7. Haram menjadikan kulit dan daging binatang korban itu sebagai upah kepada penyembelih, tetapi harus diberikan kepadanya dengan jalan sedekah atau hadiah.

والله تبارك وتعالى أعلم

## **BIBLIOGRAFI**

1. Al-Muhazzib fi Fiqh Al-Imam Asy-Syafi'e
2. Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuhu (jld. III)
3. Fiqh As-Sunnah (jld. II)
4. Mughni Al-Muntaj (jld. IV)
5. Irsyad Hukum 1996  
(Terbitan Jabatan Mufti Negeri Brunei)